

16 MAY 2001

VAJPAYEE-ASEAN

INDIA/M'SIA SETUJU PEMBAHARUAN AWAL ARKITEKTUR KEWANGAN ANTARABANGSA

KUALA LUMPUR, 16 Mei (Bernama) -- India dan Malaysia bersetuju mengenai keperluan penting pembaharuan awal arkitektur kewangan antarabangsa, Perdana Menteri India Atal Bihari Vajpayee berkata hari ini.

Beliau berkata bahawa krisis kewangan dan ekonomi di rantau ini pada tahun 1997 menunjukkan betapa kemudah ruapan aliran modal malahan boleh mengancam kewujudan ekonomi-ekonomi yang cergas itu sendiri.

Proses pemulihan beberapa negara juga telah menunjukkan bahawa priskripsi luar bagi langkah-langkah ekonomi atau tahap pembaharuan tidak semestinya menjamin pemulihan ekonomi atau kestabilan ekonomi, tambah beliau.

beliau berkata demikian di dalam ceramahnya mengenai "India dan Asean: Pandangan Jauh yang Dikongsi" anjuran Institut Diplomatik dan Perhubungan Luar di sini.

Vajpayee berkata bahawa di dalam perbincangan beliau dengan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, kedua-duanya telah bersetuju mengenai pembaharuan awal arkitektur kewangan itu.

Di pihak India, terdapat kebimbangan bahawa sesetengah daripada isu pembangunan dan pemhapusan kemiskinan paling penting adalah dalam bahaya dipinggirkan di dalam tergesa-gesanya untuk memperkenalkan regim-regim baru dalam perdagangan, pelaburan dan harta intelek, katanya.

Di Kongres AS lapan bulan lalu, Vajpayee berkata beliau telah mencadangkan satu dialog global bagi pembangunan yang beliau rasakan patut memasukkan halangan-halangan kepada pembangunan seperti arkitektur kewangan antarabangsa dan penguat kuasa jadual yang keras bagi globalisation.

Katanya bahawa India dan Asean adalah di pihak yang sama pengasingan sosio-ekonomi di dalam debat mengenai globalisasi dan India mahukan satu dialog secara dua hala dan pelbagai hala dengan negara-negara rantau ini untuk menyatukan kedudukannya mengenai isu-isu penting mengenai pembangunan, perdagangan dan pelaburan dan alam sekitar.

"Membuka ekonomi-ekonomi negara kita kepada pasaran global tidak boleh menjadi satu mentera yang menjejaskan pembangunan samarata dan keadilan sosial," tambah beliau.

Bagi kerjasama dengan Asean, Vajpayee berkata: "Setiap satu daripada negara-negara kita telah mencapai kepakaran dan penguasaan dalam bidang-bidang teknologi tertentu. Adalah penting bahawa kita patut bekerja sama dalam mengeksploitasi sinergi di kalangan kita tidak sebaliknya meniru keupayaan atau mengatasi satu sama lain."

Satu contoh ialah dalam mempuyai perhubungan di kalangan sektor perisian India dengan keupayaan perkakasan daripada negara-negara Asia Tenggara, katanya.

Beliau menambah kata bahawa kemungkinan-kemungkinan lain patut juga diterokai.

Vajpayee berkata bahawa India kini melancarkan generasi kedua pembaharuan ekonominya, berusaha mencapai faedah-faedah teknologi-teknologi baru dan peluang-peluang baru globalisasi kepada keseluruhan penduduknya.

Keperluan segera bagi ini adalah sokongan infrastruktur dalam bentuk komunikasi, jalan-jalan raya, pelabuhan dan tenaga.

"Ini aalah bidang-bidang kekuatan dan kepakaran di negara-negara Asean dan kami tidak sabar terhadap penyertaan mereka di dalam projek-projek infrastruktur ini di India," tambah beliau. -- BERNAMA

SHO FR OS

